

## Shahida Asyiqin dapat tawaran ke UPSI

Ferzalfie Fauzi

ferzalfie@hmetro.com.my



JAFFRY (dua dari kanan) menyampaikan surat tawaran kepada Shahida Asyiqin.

Kuala Lumpur: Atlet kanu Terengganu, Shahida Asyiqin Rusli yang memenangi empat pingat emas di Sukan Malaysia (Sukma) 2022, baru-baru ini boleh tersenyum lebar selepas ditawarkan melanjutkan pelajaran di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Presiden Presiden Persatuan Kanu Malaysia (Masca), Datuk Wong Meng San berkata, wakil UPSI sudah mengunjungi Shahida Asyiqin yang menetap bersama ibunya di Chendering, Kuala Terengganu bagi menyampaikan surat tawaran melanjutkan pengajian ke program Diploma Sains Sukan dan Kejurulatihan melalui laluan khas atlet cemerlang sukan.

"Surat tawaran disampaikan Dekan Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan (FSSK) Dr Jaffry Zakaria yang juga bekas atlet kanu negara.

"Langkah itu adalah satu usaha yang murni bagi menjaga kebajikan atlet selepas tamat program berkenaan," katanya.

Sementara itu, Jaffry berharap atlet dapat memanfaatkan peluang diberikan dan seterusnya berusaha mencapai kecemerlangan lebih baik.

Beliau menambah, pihak UPSI menawarkan pembelajaran fleksibel melalui jadual terancang bagi atlet mengadakan latihan dan pada masa yang sama menumpukan kepada pelajaran.

Katanya, jadual kuliah fleksibel iaitu 7 hingga 10 pagi dan 4 petang hingga 7 malam adalah masa diperuntukkan untuk latihan.

"Tambahan pula UPSI mempunyai tasik dan kemudahan kanu terbaik dengan semuanya berada di dalam kampus dan kediaman pelajar.

"Program laluan khas atlet di UPSI adalah usaha pihak fakulti dalam membantu semua atlet bukan sahaja dalam sukan kanu, malah sukan lain," katanya.

Beliau berharap kerjasama erat dapat dijalankan dengan persatuan sukan kebangsaan bagi melahirkan lebih ramai 'Thinking Athletes' seperti digariskan seiring dengan dasar pembangunan sukan Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

**Disiarkan pada: November 1, 2022 @ 6:40pm**